

Sorotan 2007: Corotan Berjalanan

IHTIFAL IHYA' RAMADAN

@UniMAP 1428H



17 September 2007 : Seramai 210 pelajar yang terdiri dari pelajar sekolah menengah dan anak yatim menerima sumbangan berupa duit raya, beg sekolah serta alat tulis sempena program Ihtifal Ihya' Ramadan@UniMAP pada tahun ini. Majlis berbuka puasa itu diadakan bersama DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid serta DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di Dewan 2020, Kangar, 17 September 2007 lalu.

Antara sekolah yang dijemput pada majlis tersebut adalah, Maktab Rendah Sains Mara, Beseri, Sekolah Menengah Derma, Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra dan Rumah Anak Yatim Seri Kenangan. Sementara itu, dalam ucapan yang disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato` Dr Kamarudin Hussin mengumumkan 14 aktiviti yang telah dan akan dijalankan UniMAP sepanjang bulan Ramadan tahun ini. Turut hadir pada majlis tersebut, YAB Menteri Besar Perlis, Dato` Seri Dr. Shahidan Kassim dan isteri, Keutamaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta kakitangan dan pelajar UniMAP.

Pada majlis itu juga, DYTM Tuanku Canselor mengurniakan sijil penghargaan kepada penyelidik yang telah memenangi 1 emas, 4 perak dan 5 gangsa pada Pameran PECIPTA di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 10 hingga 12 Ogos lalu dan kakitangan UniMAP, Mohd Fairus Abd Razak yang berjaya memperolehi tempat ke-4 pada Pertandingan Cabaran Pendakian Terpantas Bukit Cenderawasih Malaysia Book Of Record (MBR). Pada malam itu juga turut berlangsung acara memotong pulut bercorak Jalur Gemilang sempena Upacara Penutup Bulan Kemerdekaan peringkat UniMAP 2007.

Selain itu, DYMM Tuanku Raja Perlis pula berkenan untuk mengurniakan simbolik replika cek untuk geran penyelidikan kepada Y.Bhg Naib Canselor yang bernilai kira-kira RM10 juta kesemuanya.